

Tingkat sistem pengangkutan

Kereta api berkelajuan tinggi hadiah istimewa buat warga UTHM dan Sri Gading

BATU PAHAT - Warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini, bakal menerima hadiah istimewa daripada kerajaan setelah pengumuman pembinaan stesen kereta api berkelajuan tinggi (High Speed Train), tidak jauh dari universiti berkenaan.

Pembinaan stesen tersebut yang dijangka bermula akhir tahun ini atau selewat-lewatnya tahun depan dilihat membawa tuah kepada warga UTHM.

Ia dengan mengambil peluang membuat kajian terperinci berkaitan sistem pengangkutan itu melalui program pengajian yang ditawarkan Fakulti Kejuruteraan Kereta Api.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab Aziz Kaprawi berkata, walaupun penentuan lokasi sebenar stesen berkenaan belum dimuktamadkan, namun gambaran awal ia akan dibina di antara bandar Batu Pahat dan Sri Gading.

Menurutnya, pembinaan stesen kereta api itu, bakal menjadikan kawasan sekitar UTHM dan Sri Gading tumpuan penduduk ter-



Ab Aziz (tengah) menyempurnakan simbolik perasmian penutup Minggu Haluan Siswa 2013, UTHM, semalam.

masuklah Ayer Hitam, Yong Peng, Senggarang, Simpang Renggam, Kluang, malah mungkin sehingga ke Benut, Pontian.

Jelasnya, dalam perancangan awal, pihak kementerian akan membaiki sistem pengangkutan tempatan seperti perkhidmatan teksi dan bas perantara yang menghubungkan stesen berkenaan dengan UTHM, bandar Batu Pahat juga bandar dan pe-

kan sekitar.

"Dengan pembinaan sistem pengangkutan yang terancang di negara ini, diharap UTHM akan terus berkembang sebagai antara universiti yang terulung di negara ini, selain ia akan memudahkan pelajar UTHM ini dalam pembelajaran mereka.

"Kami (Kementerian) juga mengharapkan pihak UTHM dapat membuat satu kajian kesan daripada pem-

binaan berkenaan kepada kawasan sekitar terutamanya daerah Batu Pahat ini," katanya selepas Majlis Penutupan Minggu Haluan Siswa 2013, UTHM, semalam.

Terdahulu, pengumuman pembinaan stesen keretapi itu dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, awal tahun ini dengan menjadikan Batu Pahat sebagai salah satu lokasi stesen sistem peng-

angkutan itu, selain di Singapura, Nusajaya, Muar, Ayer Keroh dan Kuala Lumpur.

Ab Aziz berkata, selain manfaat pembelajaran oleh pihak UTHM, kewujudan kemudahan kereta api berkenaan juga akan menggalakkan pelajar UTHM menggunakan pengangkutan lebih selamat untuk pulang ke kampung halaman mereka.

Menurutnya, berbanding sebelum ini, ada pelajar yang berasal dari Johor Bahru, Muar dan Kuala Lumpur terpaksa menggunakan motosikal untuk pulang ke kampung mereka, secara tidak langsung risiko kemalangan akan dapat dikurangkan.

"Kewujudan kereta api ini perlu dimanfaatkan sebaik mungkin kerana selain ianya lebih selamat, ia juga dapat memendekkan masa perjalanan, sebagai contoh Batu Pahat ke Kuala Lumpur hanya memakan masa satu jam sahaja.

"UTHM juga disarankan membuat asrama luar kampus berhampiran stesen berkenaan, bagi memudahkan pelajar mereka berulang-alik dengan lebih selamat," katanya.